

12/01/1997

PM mahu akhbar buat laporan tepat

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta akhbar membuat laporan dan analisis yang tepat selaras dengan tanggungjawabnya dalam negara demokrasi.

Sambil mengalu-alukan fungsi akhbar mendedahkan segala penyelewengan kerajaan dan pihak lain, Dr Mahathir berkata: "Kita cuma mahu mereka mengambil perhatian mengenai tanggungjawab berat yang diberikan kepada mereka."

"Kita memuji usaha untuk mencegah penyelewengan dalam kerajaan atau di luar kerajaan serta baru-baru ini ada satu tinjauan mengenai teksi oleh akhbar New Straits Times."

"Kita (MT) bincang kerana ada teguran mengenai laporan atau analisis yang tidak tepat, termasuk memberi penghargaan kepada orang yang tidak layak," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat Umno di sini, semalam.

Selain itu, Dr Mahathir meminta kerjasama kerajaan negeri supaya mematuhi keputusan kerajaan membatalkan Akta Kawalan Sewa serta garis panduan berhubung pemasangan kabel telekomunikasi.

(END)